
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

**HIU 122 - PERLUASAN 'AQIDAH ISLAMIYYAH: KONSEP DAN
PENGHAYATAN**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. [a] Ilmu akidah adalah suatu bentuk pengajian yang menjadi asas dalam Islam. Berdasarkan kenyataan ini, jelaskan persoalan-persoalan di bawah:
- [i] Pengertian akidah menurut bahasa dan istilah. [10 markah]
 - [ii] Satu kesan akidah kepada individu dan satu kesan akidah kepada masyarakat. [10 markah]
 - [iii] 4 aspek akidah menurut perspektif al-Qur'an. [20 markah]
- [b] Huraikan TIGA daripada perkara-perkara yang membatalkan Iman. [30 markah]
- [c] Huraikan TIGA daripada perkara-perkara dasar yang telah disepakati oleh para 'ulama *ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* tentang akidah Islam. [30 markah]
2. [a] Beriman kepada Allah dan Malaikat adalah sebahagian daripada rukun Iman. Berdasarkan kenyataan ini, jawab semua soalan berikut:
- [i] Jelaskan definisi Malaikat dan huraikan satu kesan beriman kepada Malaikat dalam kehidupan manusia. [20 markah]
 - [ii] Jelaskan hubungan di antara Islam dan Iman. [10 markah]
 - [iii] Definisi *Ilah* (إله) dan *Rabb* (رب) [10 markah]
- [b] Jelaskan satu perbezaan antara perkara-perkara berikut:
- [i] Akidah yang hak dan batil [10 markah]
 - [ii] *Iman* (إيمان) dan *Nifaq* (نفاق) [20 markah]
- ...3/-

[iii] Qada dan Qadar *kawniyyah* (قدر كونية dan قضاء), Qada dan Qadar *shar'iyyah* (قدر شرعية dan قضاء).

[20 markah]

3. [a] Firman Allah: **لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ**

“Baginya apa yang telah ia usahakan dan ke atasnya apa yang ia telah usahakan” (al-Baqarah: ayat 286)

Berdasarkan ayat al-Qur'an di atas, jelaskan konsep pembalasan dan pembahagiannya yang utama menurut pandangan ulama *ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

[40 markah]

[b] Jelaskan aspek-aspek berikut:

[i] 'Arad (عرض) dan hisab (حساب)

[10 markah]

[ii] Mizan (ميزان) dan syafaat (شفاعة)

[10 markah]

[c] Jawab DUA daripada perkara-perkara di bawah:

[i] Jelaskan definisi *Kufur* (كفر) dan dua pembahagiannya yang utama.

[20 markah]

[ii] Syirik besar dan syirik kecil.

[20 markah]

[iii] *Awliya' Allah* (أولياء الله) dan *awliya' al-shaytan* (أولياء الشيطان)

[20 markah]

4. [a] Huraikan TIGA prinsip asas yang telah digariskan dalam perbahasan mengenai nama-nama dan sifat-sifat Allah s.w.t. menurut pandangan **ulama' salaf** sahaja.

[60 markah]

- [b] Huraikan pengertian *Tawhid Rububiyah* (توحيد ربوبية) dan *Tawhid Uluhiyyah* (توحيد ألوهية) serta hubungan antara keduanya

[40 markah]

5. Huraikan konsep-konsep berikut dalam Islam:

[a] *Tawassul* [25 markah]

[b] *Wala'* [25 markah]

[c] *Tabarruk* [25 markah]

[d] *Ihsan* [25 markah]